

Tuliskan jenis kata kerja bagi perkataan bergaris dalam ayat-ayat.

- 1 Penduduk bekerjasama membaiki jambatan di hujung kampung.
Jenis kata kerja : _____
- 2 Setiap bulan Cik Zaleba tidak lupa mengirim wang kepada ibunya.
Jenis kata kerja : _____
- 3 Pasangan pengantin itu tersenyum apabila diusik oleh kawan-kawan mereka.
Jenis kata kerja : _____
- 4 Suriah meminjamkan wang sebanyak lima ringgit kepada Syafiq.
Jenis kata kerja : _____
- 5 Pusat pentadbiran negara telah berpindah dari Kuala Lumpur ke Putrajaya.
Jenis kata kerja : _____
- 6 Kakak geram apabila mendapati dirinya telah ditipu oleh jurujual.
Jenis kata kerja : _____
- 7 Pekerja-pekerja yang melombong bijih timah di Semenanjung Malaysia kebanyakannya berbangsa Cina.
Jenis kata kerja : _____
- 8 Walaupun berkali-kali disoal, Jamal tetap membisu.
Jenis kata kerja : _____
- 9 Cik Mei Mei ingin memohon kebenaran daripada pihak syarikat untuk bercuti selama sebulan.
Jenis kata kerja : _____
- 10 Pemuda yang berdiri di tepi tiang lampu itu seorang mata-mata gelap.
Jenis kata kerja : _____